



Kementerian Perpaduan Negara akan mengadakan IPNa ketiga tahun ini

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA AKAN MENGADAKAN IPNA KETIGA TAHUN INI

🕒 Jun 11, 2023 📁 Nasional 👁 7 Views

JOHOR BAHRU: Kementerian Perpaduan Negara akan melaksanakan Tinjauan Indeks Perpaduan Negara (IPNAs) buat kali ketiga tahun ini bagi menilai tahap perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (gambar) berkata IPNAs yang dijalankan bersama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tahun lepas, menunjukkan peningkatan tahap perpaduan negara kepada 0.62 berbanding 0.57 pada tahun 2018.

“Kita dapati terdapat peningkatan tahap perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Sekarang kita juga ada slogan baharu iaitu kerajaan perpaduan dan Malaysia Madani, jadi kita ambil peluang itu untuk mempertingkatkan perpaduan rakyat. .

“Untuk itu, kita sediakan rangka kerja perpaduan yang memberi fokus terutamanya kepada dua aspek iaitu budaya dan kemasyarakatan. Kita serahkan aspek lain seperti ekonomi dan perundangan kepada kementerian masing-masing,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan ‘Ramah Tamah Uniti Kaamatan dan Program Gawai 2023’ di Dewan Taman Mawar, Pasir Gudang pada Sabtu (10 Jun) malam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor Ling Tian Soon.

Aaron berharap IPNa yang akan dilaksanakan tidak lama lagi akan menunjukkan tahap perpaduan semakin meningkat seiring dengan penubuhan kerajaan perpaduan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata bagi mencapai itu, kerajaan akan membawa kembali pelbagai program seperti 'Program Semarak Kenegaraan', 'Program Semarak Perpaduan' dan 'Program Semarak Rahmah' bagi meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Semarak Kenegaraan termasuk melafazkan ikrar Rukun Negara. Dulu sering diamalkan di peringkat sekolah tetapi selepas itu terlerai, jadi kita nak bawa balik.

"Semarak Perpaduan adalah seperti program 'Unity Walk' dan 'Semarak Rahmah' peringkat Komuniti Rukun Tetangga (KRT) yang akan menghimpunkan semua kaum dalam satu komuniti untuk melakukan aktiviti bersama," katanya.

Pada program Sabtu, Aaron berkata ia melambangkan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

"Dianggarkan 35,000 penduduk Borneo menetap di Johor dan saya amat berbangga dengan semangat rakyat Johor yang menitikberatkan aspek kebersamaan dan kekitaan dalam menerima kepelbagaian budaya di Malaysia.

"Ramai rakyat Sabah dan Sarawak bermastautin di negeri ini, jadi sambutan ini diadakan bagi meraikan mereka yang tidak dapat pulang menyambut (hari raya) di kampung halaman," katanya lagi. – BK